

10 JANUARI 2018

## Pembantu am hospital khianat gereja, kuil

KOSMO! RABU 10 JANUARI 2018

NEGARA! 3

### Pembantu am hospital khianat gereja, kuil

Oleh NOR AFIAH MAT NOR

**KOTA BHARU** - Seorang pembantu am yang bekerja di Hospital Pasir Mas dekat sini ditahan kelmarin selepas dipercayai terlibat dalam kejadian memecahkan cermin gereja dan kuil di Jalan Hamzah di sini.

Suspek berusia 34 tahun itu yang bertugas di Unit Vektor (kawalan penyakit berjangkit) di hospital berkenaan ditahan pada pukul 1 pagi di rumahnya di Kampung Belukar, Pasir Mas selepas terlibat dengan kejadian langgar lari, namun dibebaskan dengan jaminan polis.

Ketua Polis Kelantan, Datuk Hasanudin Hasan berkata, dua lelaki menaiki motosikal telah mengekori kereta Nissan



Cermin gereja, kuil pecah dibaling tong penapis air  
KERATAN Kosmo! 8 Januari 2018.

Grand Livina yang dipandu suspek kerana tidak berpuas hati apabila suspek enggan memberhentikan kenderaannya selepas terlibat kemalangan dengan sebuah motosikal lain.

"Selepas disoal siasat, suspek yang sudah berkahwin itu dibebaskan dengan jaminan polis, namun ditahan semula di Ibu Pejabat Polis Daerah Pasir Mas kira-kira pukul 1.30 petang Isnin selepas positif da-

dah jenis methamphetamine.

"Semakan terperinci turut mendapati suspek terlibat dengan perbuatan khianat apabila mengaku tertekan selepas kematian ibunya pada tahun lalu. Selain itu, tertuduh mengalami halusinasi yang mendorongnya melakukan perkara tidak elok di rumah ibadat bukan Islam," katanya kepada pemberita di sini semalam.

Jelasnya, suspek ditahan reman selama empat hari bermula semalam dan disiasat mengikut Seksyen 295 Kanun Keseksaan iaitu khianat di tempat ibadat.

*Kosmo!* pada Isnin lalu melaporkan beberapa keping cermin bangunan sebuah gereja dan kuil pecah selepas seorang lelaki membalik dua tong penapis air yang dibakar di Jalan Hamzah di sini.



SUSPEK (tengah) ditahan reman selama empat hari di Mahkamah Sesyen Kota Bharu semalam.